

CFA dijangka buka potensi pelaburan sehingga RM15 bilion

Perjanjian perkas khidmat bersepadu MyGovCloud rancakkan lagi ekonomi digital

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
mohd_iskandar@bh.com.my

Putrajaya: Pembabitkan penyedia perkhidmatan awan (CSP) dan penyedia perkhidmatan pengurusan (MSP) melalui Cloud Framework Agreement (CFA), dijangka membuka potensi pelaburan dalam negara bernilai antara RM12 bilion hingga RM15 bilion menjelang 2025.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata pelaburan itu akan menjadi tulang belakang kepada pembentukan ekosistem digital yang mampan untuk mencapai pertumbuhan ekonomi lestari, sekali gus bakal menjadikan Malaysia hab digital utama di rantau ASEAN.

"Perkhidmatan Pusat Data Sektor Awam (PDSA) dinaikkan taraf kepada perkhidmatan Pengkomputeran Awan (CLOUD) khusus untuk kegunaan seluruh agensi kerajaan dengan memperkenalkan perkhidmatan bersepadu dikenal sebagai *government hybrid cloud* atau MyGovCloud.

"Bagi memperkasakan MyGovCloud, CFA dimeterai antara kerajaan dengan CSP berserta syarikat



Ismail Sabri menyaksikan pertukaran dokumen perjanjian antara MAMPU diwakili Yusuf (dua dari kiri) dengan Country Manager, Malaysia Public Sector Amazon Web Services (AWS), Chuah Seng Heng (dua dari kanan) pada majlis pertukaran dokumen CFA, semalam. Turut hadir, Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz (kiri) dan Ketua Setiausaha Negara, Datuk Seri Mohd Zuki Ali.

(Foto BERNAMA)

rikat penyedia perkhidmatan CLOUD Bumiputera tempatan lantikan CSP dikenali sebagai MSP," katanya dalam kenyataan, semalam.

Ismail Sabri berkata, melalui pelaksanaan CFA, agensi sektor awam akan menikmati perkhidmatan CLOUD yang lebih baik, cepat, cekap serta bersasar pada harga kompetitif menerusi tawaran diskaun pukal oleh CSP dan MSP.

Beliau berkata, perjanjian CFA satu inovasi dalam perolehan perkhidmatan CLOUD di semua agensi sektor awam, seiring pengukuhan fungsi dan peranan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Urusan Malaysia (MAMPU) pada masa depan.

"Dengan termeterai perjanjian

ini, saya berharap lebih banyak manfaat bakal dinikmati rakyat secara amnya dan seluruh agensi sektor awam khususnya, bagi merencanakan pembangunan teknologi serta ekonomi digital kepada seluruh Keluarga Malaysia," katanya.

Perdana Menteri berkata, pemilihan CSP dibuat selepas syarikat penyedia perkhidmatan di dalam dan luar negara mengemukakan cadangan *Request for Proposal (RFP)*, sebelum penilaian dibuat secara telus melibatkan pelbagai pihak.

Hasil penilaian itu, kerajaan bersetuju melantik empat syarikat panel CSP bagi menyediakan perkhidmatan CLOUD yang terbaik, selamat dan terjamin.

"Kontrak CFA bersama-sama

kerajaan membabitkan empat syarikat CSP, iaitu Amazon Web Services Malaysia Sdn Bhd, Google Cloud Malaysia Sdn Bhd, Microsoft (Malaysia) Sdn Bhd dan Telekom Malaysia Berhad.

"Empat syarikat MSP terdiri daripada Cloud Connect Sdn Bhd, Enfrasy Solutions Sdn Bhd, Radmik Solutions Sdn Bhd dan Awantec System Sdn Bhd," katanya.

Mengulas lanjut mengenai MyGovCloud, beliau berkata, inisiatif itu seiring Inisiatif Kelima bawah Teras 1 Rangka Tindakan (Blueprint) Ekonomi Digital Malaysia (MyDIGITAL) yang menyasarkan 80 peratus penggunaan sumber Pengkomputeran Awan merentas sektor awam pada tahun ini.

Katanya, ia bertujuan memacu transformasi digital sektor awam secara holistik yang dapat merangsang pertumbuhan ekonomi digital dan agenda pendigitalan ke seluruh negara.

Terdahulu, Perdana Menteri menyaksikan pertukaran dokumen CFA antara kerajaan dengan CSP serta MSP.

Pertukaran dokumen itu membabitkan antara MAMPU yang diwakili Ketua Pengarahnya, Datuk Seri Dr Yusof Ismail dengan wakil syarikat terbabit.

Sementara itu, menurut MAMPU dalam kenyataan, perkhidmatan pengkomputeran awan dijangka berupaya mengoptimalkan sumber kerajaan dan mobility bekerja dalam persekitaran digital bagi membolehkan proses kerja serta urus niaga tanpa kertas yang lebih berkesan secara *end-to-end*.

Bagi memastikan perkhidmatan pengkomputeran awan dapat dimanfaatkan seluruh agensi sektor awam, katanya, kerajaan mengambil langkah strategik dengan menaik taraf perkhidmatan PDSA kepada MyGovCloud.

Menurut kenyataan itu lagi, CFA menjadi platform menerangkan inisiatif yang diambil kerajaan untuk manfaat Kementerian serta agensi sektor awam, selain meningkatkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan berpaksaan rakyat dan berpacuan data.

Malah, ia meningkatkan tahap keyakinan pemegang taruh terhadap keberkesanan penggunaan pengkomputeran awan dalam transformasi digital kerajaan.